



TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH berkenan menyampaikan Anugerah Ijazah Kehormat kepada Brig. Jeneral (B) Datuk Dr. Samsudin Hussain pada majlis Istiadat Konvokesyen ke-7 UPNM di Dewan Tun Temppler Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN / SAIFUL BAHARI ASHARI.

Dana wakaf kukuhkan dana universiti

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) melalui Lembaga Pengarah dan Pengurusan Universiti akan mengambil pendekatan mewujudkan dana wakaf bagi mengukuhkan dana universiti sebagai agenda utama.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah, keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu menjadikan agenda tersebut wajar dilaksanakan kerana senario pendidikan tinggi ketika ini menyaksikan persaingan yang semakin sengit dalam pelbagai aspek.

"Pada era kebangkitan Islam, kebanyakan program pendidikan telah terbukti dibiayai melalui wakaf dan Universiti Al-Azhar di Mesir boleh dirujuk sebagai contoh bagi universiti yang ditubuhkan selaras dengan sistem pendidikan yang sistematik.

"Beta berharap para alumni universiti tampil ke hadapan dan berganding bahu dengan pihak universiti agar usaha murni bagi menubuhkan dana wakaf terlak-

sana sekali gus memberi manfaat besar kepada UPNM," titah baginda pada perasmian Istiadat Konvokesyen Ke-7 UPNM di sini, hari ini.

Teks titah ucapan Seri Paduka dibacakan oleh Tunku Panglima Besar Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim, yang juga Tunku Pro-Canselor UPNM.

Seri Paduka bertitah, pertahanan dan keselamatan negara perlu sentiasa berada dalam keadaan siap siaga sekiranya semua pihak mahu kesinambungan kedaulatan, kemajuan dan kestabilan terus terpelihara.

Pada majlis itu, universiti berkenaan turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Jeneral Tan Sri Mohd. Zahidi Zainuddin (Pengurusan Pertahanan), Tan Sri Hashim Meon (Sains Komputer), Brigedier Jeneral Datuk Dr. Samsudin Hussain (Perubatan dan Kesihatan Pertahanan) serta Brigedier Jeneral Datuk Mohd. Tairabi Abd. Razak (Kejuruteraan Pertahanan).